

KERIS MELAYU SEMENANJUNG: SUATU PENGENALAN oleh Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. 2015. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang, 2015. ISBN 978-967-344-449-6.

Pengenalan

Keris Melayu Semenanjung: Suatu Pengenalan merupakan sebuah buku yang terhasil daripada penyelidikan selama lebih tiga tahun oleh Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad yang merupakan seorang Profesor Madya di Universiti Putra Malaysia. Sesuatu yang cuba dikongsi oleh penulis buku berkulit lembut ini ialah pengenalan terhadap keris Melayu Semenanjung.

Sehubungan dengan itu, buku ini terdiri daripada sembilan bab yang membincangkan keris Melayu secara terperinci. Bab pertama memperkenalkan keris secara umum yang mencakupi sejarah kewujudannya di alam Melayu kepada pembaca. Bab kedua pula memperkenalkan para pembaca kepada keris Melayu secara fizikal, khususnya bahagian-bahagian yang terdapat pada keris. Seterusnya, bab tiga mengupas adab berkeris, termasuklah pantang-larangnya. Bab keempat pula berkenaan dengan perbincangan terperinci tentang jenis-jenis keris Melayu Semenanjung. Bab kelima pula mengenai bilah mata keris tersebut, yang merangkumi proses penempaannya.

Seterusnya, bab keenam membicarakan keindahan dan keunikan hulu dan sarung keris Melayu Semenanjung. Bab ketujuh menghuraikan senjata-senjata lain yang dihasilkan oleh orang-orang Melayu. Bab ini disertakan untuk menolak salah faham sesetengah pihak bahawa orang Melayu hanya memiliki keris, lembing dan panah sahaja. Bab kelapan memuatkan paparan mengenai keris-keris yang dihasilkan di Nusantara dengan tujuan dapat dijadikan perbandingan dengan keris Melayu Semenanjung. Akhir sekali bab kesembilan telah menyorot signifikannya keris dalam penghidupan masyarakat Malaysia hingga ke hari ini.

Sejarah Keris Melayu Semenanjung

Menyorot secara terperinci hasil penelitian penulis buku ini menjelaskan, keris Melayu Semenanjung merujuk kepada keris yang dihasilkan dan digunakan oleh orang Melayu yang mendiami Semenanjung Malaysia, termasuklah dari Singapura hingga ke utara, ke kawasan orang Melayu di selatan Thailand. Walau bagaimanapun, unsur sejarah mengenai permulaan keris di alam Melayu dinyatakan bermula seawal abad ke 13 hingga 15 Masihi (Zaman Majapahit). Hal ini dibuktikan apabila ukiran pada dinding candi-candi yang dibina pada zaman Majapahit tersebut memaparkan figura yang memegang senjata berbentuk keris lurus dan lebar, yang kini disebut sebagai keris Buda atau Bethok. Lantaran itu, para pengkaji keris dan penulis buku ini berpendapat bahawa telah bermulanya penciptaan keris dalam komuniti Melayu zaman tersebut.

Dalam pada itu, penulis menjelaskan sejarah rupa bentuk keris yang bersifat lurus atau bengkok adalah disebabkan telah mengalami proses evolusi seiring peredaran masa. Bermula dari tanah Jawa ke seluruh pelosok yang didiami rumpun Melayu. Maka, rupa bentuk keris Melayu Semenanjung turut berlaku perubahan sedikit demi sedikit mengikut ragam dan cita rasa suku kaum masyarakat Nusantara. Namun, fungsi dan kegunaan keris masih dikekalkan sebagai alat senjata, alat kebesaran, sebagai pelengkap busana, alat perdukunan, alat menjalankan hukuman, simbol maruah, dan sebagai lambang kuasa dan autoriti dalam masyarakat Melayu.

Ringkasnya, sejarah keris Melayu Semenanjung telah menampakkan kelainan dalam penghasilan keris di wilayah berbeza yang didiami oleh orang Melayu di Nusantara ini. Jelaslah bahawa setiap wilayah mempunyai ciri-ciri tersendiri yang diabadikan pada bilah, hulu, dan sarung keris. Meskipun begitu, setiap wilayah Melayu ini mempunyai senjata yang sama iaitu keris sungguhpun diberi nama dan gelaran yang berbeza. Perkara ini selari dengan falsafah Melayu, iaitu sama dalam berbeza, serumpun walaupun tidak sedahan.

Keris Taming Sari Signifikan Orang Melayu

Selain itu, buku *keris Melayu Semenanjung* dilengkapi oleh sejarah keris yang paling signifikan dengan masyarakat Melayu Semenanjung, iaitu keris Taming Sari. Seperti yang kita ketahui keris Taming Sari merujuk kepada keris yang dimiliki oleh seorang pendekar yang hebat dan tersohor bernama Taming Sari. Alkisah Keris Taming sari ini menyimpan sejarah tersendiri menurut Hikayat Catatan Hang Tuah dalam rombongan Sultan Melaka, Sultan Mansur Shah (1459-1477) untuk mengahwini puteri Majapahit. Dalam kisah ini, Hang Tuah telah menang dalam pertarungan dengan pendekar Majapahit setelah dicabar untuk menunjukkan ketangkasnya. Lalu, Raja Majapahit menghadiahi hang Tuah Keris Taming Sari dan digunakan untuk mempertahankan Sultan dan kerajaan Melaka daripada digugat musuh.

Menurut Sulatus Salatin, apabila Tuah difitnah dan dihukum bunuh, Sultan memberikan keris tersebut kepada Hang Kasturi setelah dilantik menggantikan Hang Tuah. Namun, dendam Kasturi terhadap fitnah Tuah menyebabkan Kasturi menderhakai Sultan demi menuntut keadilan sahabatnya. Akibat penderhakaan tersebut, Sultan memanggilnya Jebat yang merujuk kepada satu nama negatif. Walau bagaimanapun, bendahara telah memaklumkan bahawa Tuah masih hidup, Tuah dipanggil pulang ke istana untuk bertarung dengan Jebat. Akhirnya, Keris Taming Sari kembali ke tangan Tuah dan digunakan untuk menikam Jebat. Maka, tamatlah riwayat Jebat ditikam Tuah dengan keris Taming Sari itu.

Menjelang zaman pemerintahan Sultan Mahmud, Tuah mengundurkan diri daripada berkhidmat kepada Sultan dan mengembalikan keris Tamin Sari kepada Sultan. Pada 1511 negeri Melaka telah jatuh ke tangan Portugal dan Sultan Mahmud berundur ke Muar, Johor, ke Kampar, kemudian ke Riau Sumatera dan membawa keris Taming Sari bersama. Kemudiannya, Sultan telah mangkat di Kampar. Anakanda Sultan Mahmud iaitu Raja Muzaffar Shah telah berhijrah ke Perak dan ditabalkan menjadi Sultan Perak yang pertama. Pada ketika itu, keris Taming Sari ada bersama baginda dan kemudiannya keris tersebut diperturunkan kepada sultan-sultan Perak yang seterusnya sebagai keris Diraja sehingga ke hari ini.

Kini, keris Diraja dilihat sebagai alat kebesaran negara yang utama dalam istiadat pertabalan. Keris ini dianggap sebagai Keris Kerajaan dan merupakan simbol kebesaran dan kekuasaan dan diabadikan sebagai mercu tanda dan signifikan yang membawa makna tertentu dalam tamadun Melayu pada abad ini misalnya keris membawa lambang detik bersejarah negara, keris sebagai mercu tanda yang signifikan pada tanda daerah, kawasan, binaan, atau bangunan penting dan tidak ketinggalan simbol keris sebagai lambang dalam logo dan emblem yang mengabdikan keris sebagai lambang perjuangan dan keutuhan untuk maju ke hadapan.

Nilai Estetik Keris Melayu Semenanjung

Menariknya buku ini, penulis telah mengupas nilai estetik yang ada pada keris Melayu Semenanjung yang sebilangan besar menjadi objektif pembaca atau pengkaji keris Melayu untuk membaca buku ini. Penulis menjelaskan bahawa alam Melayu sejak 700-800 tahun yang lampau telah meletakkan keris Melayu sebagai sejarah silam ketamadunan Melayu dan disimpan sebagai artifak yang mempunyai nilai estetik tersendiri. Menurut penulis buku ini lagi, nilai sejarah dan estetik keris Melayu ini menjadikan keris Melayu mempunyai keistimewaan tersendiri pada setiap bahagian yang ada padanya; justeru, keris dipuja kerana keindahan dan kesenian yang terdapat pada hulunya, pendokoknya, bilah matanya, dan sarungnya. Keindahan dan keistimewaan keris Melayu Semenanjung telah dikupas dari pelbagai segi dalam buku ringkas ini untuk memberikan pemahaman kepada pembaca dan masyarakat umum.

Nilai estetik terhadap keris Melayu Semenanjung dihuraikan dengan pembuktian terdapatnya sepuluh jenis rupa bentuk dan ciri-ciri tersendiri. Dua belas rupa bentuk keris itu merupakan keris panjang, keris anak alang, keris pandai saras, keris Bugis Semenanjung, Keris Melela, keris Semenanjung, keris beko atau beka, keris tajung, keris choteng, keris debek dan keris charita. Dua belas jenis rupa bentuk keris ini telah dihuraikan dalam buku keris Melayu Semenanjung secara terperinci. Nilai estetik yang terdapat pada setiap keris tersebut dirumuskan secara ringkas seperti berikut:

Keris Panjang

Keris panjang dikenali sebagai *keris Alang*, keris hukum atau penyalang atau keris kuasa. Panjang bilah keris ini adalah lebih kurang antara 19-27 inci dan berbentuk lurus. Namun ada juga yang berlok. Jika lurus, keris ini berlok banyak dan boleh melebihi 20 lok. Keris ini bukan digunakan dalam pertempuran kerana bilahnya yang panjang dan sukar digunakan dalam pertempuran. Manakala, sampirnya bercirikan bulan sabit. Keris ini berfungsi sebagai keris hukum atau keris kuasa yang digunakan untuk menjatuhkan hukuman kepada penjenayah dan menderhakai kepada Sultan kerana bilah keris yang panjang ini boleh menembusi jantung si pesalah dan menamatkan riwayat dengan segera. Oleh sebab keris ini adalah lambang kuasa dan autoriti maka sarungnya diperbuat daripada bahan-bahan mewah seperti gading gajah, perak, atau emas. Kini, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan mempunyai keris panjang Diraja yang diangkat sebagai salah satu alat kebesaran Diraja.

Keris Anak Alang

Keris ini bersifat lurus dan pendek berbanding keris panjang. Bilah matanya mempunyai kepanjangan sebanyak 12-17 inci. Lazimnya, keris ini digunakan untuk menjatuhkan hukuman atau dikenali sebagai keris kuasa, bukan untuk bertarung. Keris anak alang ini ditempa daripada besi sebatang yang menggunakan campuran besi pamor, maka yang terhasil daripada bilah mata adalah pamor seperti pamor bulu rusa atau pamor miang buluh. Walau bagaimanapun, keris anak alang ini dikenali sebagai keris Alang Bahari di tanah Minang. Hal ini merujuk kepada bilah matanya yang lurus.

Keris Pandai Saras

Keris ini disebut juga sebagai Pandai Saraf. Menurut penulis, variasi dalam nama keris ini adalah kerana perbezaan dialek pantai timur Semenanjung Malaysia. Nama keris ini diberi berdasarkan nama seorang empu yang berasal dari Jawa dan berpindah ke Patani. Beliau telah menghasilkan bilah-bilah keris yang bermutu dan dinamakan bilah pandai saras. Ciri-ciri

bilah ini ialah mempunyai tulang di tengah-tengah mata bilah. Bilah pandai saras ini ada yang memiliki lok dan ada yang tidak. Bilah ini dihasilkan daripada besi dan ada yang diperbuat daripada besi campuran. Oleh itu, bilah matanya ada yang berpamor dan ada yang tidak.

Keris Bugis Semenanjung

Keris ini merupakan keris Melayu Semenanjung yang dipengaruhi oleh bentuk keris Bugis. Keris Bugis Semenanjung mempunyai bilah mata yang lebar dan tegap. Keris ini ada yang berlok dan ada yang lurus. Bilah mata keris Bugis Semenanjung ditempa daripada campuran beberapa jenis besi. Oleh itu, bilahnya jenis yang berpamor. Antara jenis pamor yang terdapat ialah pamor miang Perak, pamor beras tumpah, pamor kulit tembikai, pamor perut ular, pamor biji petai, dan pamor gigi yu. Keistimewaan keris Bugis Semenanjung ini pada matanya yang berpamor yang kelihatan tebal dan bertempok-tempok.

Keris Melela

Keris ini berasal dari pantai timur Semenanjung khususnya Terengganu. Ciri yang ketara pada bilah ini ialah bilah matanya yang beralur, berlurah, berlembah, dan terdapatnya tulang yang besar di tengah bilah. Keris ini dihasilkan dengan besi sebatang. Justeru keris ini kebanyakannya bilah berwarna gelap. Keris ini juga ada yang mempunyai pamor. Besi sebatang juga lazim digunakan kerana keris ini digunakan untuk bertarung.

Keris Tok Chu

Keris ini berasal dari Palekbang, Kelantan pada akhir abad ke-18. Menurut penulis, keris ini dihasilkan oleh seorang empu bernama Tok Chu. Beliau hebat dalam bidang perkerisan dan mahir tentang besi di samping tinggi ilmu persilatan dan mahir ilmu keagamaan. Tok Chu merupakan Tukang keris Diraja dan sering menghasilkan keris untuk kegunaan istana. Keris yang dihasilkan Tok Chu mempunyai bentuk dan keunikan tersendiri yang berbeza daripada keris lain di Alam Melayu.

Keris Semenanjung

Keris Semenanjung dihasilkan di kebanyakan negeri atau kawasan di Semenanjung Malaysia. Keris ini mempunyai pengaruh Bugis yang ketara terhadap reka bentuknya. Ia mempunyai bilah yang tegap, tebal, kukuh, dan berat. Pangkal bilahnya agak lebar, dengan lok yang tidak begitu ketara. Bilah matanya juga rata, tidak berlurah, tidak beralur.

Keris Beko atau Beka

Keris ini mempunyai mata yang lebar dan seakan-akan buah beka. Namun, keris ini juga dikenali sebagai keris lidah. Keris ini bukan digunakan sebagai senjata pertarungan tetapi sebagai simbolik terhadap golongan yang berilmu atau guru. Maka, mata keris ini tidak semestinya tajam dan ada juga berbentuk bulat.

Keris Tanjung

Keris ini berasal dari Patani yang ketika dahulu merupakan sebahagian daripada negeri Melayu di utara Semenanjung. Keunikan keris ini terletak pada pakaian hulunya, pendodok, sampir, dan batang serunai. Hulu tanjung berbentuk seperti paruh burung melentik. Sampir tanjung pula, dikatakan berbentuk karakter wayang kulit. Bilah matanya ada yang berlok, tetapi lebih biasa digunakan yang lurus dan berjenis Pandai Saras. Keris ini merupakan keris kuasa dan sering dibawa oleh sultan dan pembesar sebagai tanda kekuasaan.

Keris Choteng

Keris ini berasal dari negeri Melayu di utara semenanjung. Para pengkaji keris terdahulu menyatakan keris ini lebih tua berbanding keris Tajung. Keunikan keris ini terdapat pada reka bentuk hulu dan sampirnya. Hulu keris Choteng berbentuk burung dengan paruh yang besar dan lurus.

Keris Debek

Nama keris ini berasal dari Pantai Timur Semenanjung, iaitu Kelantan yang membawa maksud tidak sempurna atau tidak cantik. Menurut sejarah, keris ini merupakan hasil yang dilakukan secara tergesa-gesa dan ketika musuh telah menyerang dan berada di luar kota. Oleh itu, mat keris tidak dikikir dengan sempurna. Maka, terhasil lah keris yang sangat asas dan terburu-buru buatannya. Walau bagaimanapun, ciri asas sebuah keris masih dimiliki pada keris ini.

Keris Charita

Bilah keris Charita adalah pengaruh dari seberang. Bilah keris ini berlurah dalam dan tirus, biasanya dipangkal bilah mata bermula selepas ganjar. Alur keris ini sepanjang sepertiga bilah atau kurang, kemudiannya hilang dan diteruskan dengan tulang di tengah mata. Keris ini terdapat pelbagai variasi bergantung kepada daerah bilah tersebut ditempa.

Kesimpulan

Buku ini memaparkan kepada pembaca akan keindahan dan kesenian keris Melayu Semenanjung dalam bahasa yang ringkas dan mudah difahami. Perkara ini dilihat dapat menarik minat masyarakat kita untuk membaca dan mengkaji keris-keris Melayu Semenanjung. Hal ini sedemikian kerana, penulis buku ini menggunakan pendekatan penjelasan yang disertakan dengan gambar-gambar keris. Pembaca dapat membaca dengan teknik yang berkesan kerana wujudnya gambar di setiap penjelasan.

Nurul Fadzlin Mohd Asri & Sharil Nizam Sha'ri

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia.